

ISU KONFLIK TANAH ADAT BAGI ORANG ASLI DI MALAYSIA

Zainal Zulhilmi Zainal Abidin¹ & Seow Ta Wee²

¹Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Johor, Malaysia.

zainal_zulhilmi@yahoo.com.my¹,
aweewee@uthm.edu.my²

ABSTRAK

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia telah menerima kira-kira 500 aduan berkaitan isu tanah adat, di sepanjang 11 hari Konsultasi Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Adat yang dijalankan di negeri Sabah. Pembangunan di luar bandar telah mewujudkan konflik tanah dalam kalangan pihak pemaju dan masyarakat setempat. Objektif utama kertas kerja ini adalah menerangkan kerangka teori bagi mencapai kesamarataan hak bagi Orang Asli dalam konteks pembangunan orang asli. Kertas kerja ini adalah berdasarkan kepada kupasan literatur yang telah dijalankan bagi menerangkan kerangka teori yang tertumpu kepada kesamarataan hak bagi Orang Asli. Di antara isu-isu yang dibincangkan adalah isu tanah adat di Malaysia, sistem perundangan mengenai pengurusan tanah dan tanah adat dan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa dalam menangani isu tanah adat yang berlaku. Hasil kajian dijangka dapat menambah pengetahuan mengenai isu tanah adat yang berlaku dan melihat kepada keberkesanan penyelesaian konflik yang berlaku di antara pihak kerajaan dan masyarakat yang terlibat.

Kata kunci : Tanah Adat, Konflik, Kesamarataan.

PENDAHULUAN


Mengikut kronologi perundangan tanah di Malaysia, terdapat empat sumber undang-undang tanah negara iaitu undang-undang adat, undang-undang Islam, undang-undang Inggeris, Kanun Tanah Negara yang berteraskan kepada Sistem Torrens dan beberapa undang-undang bertulis yang lain. Kanun Tanah Negara mula digubal sebelum merdeka dan diasaskan kepada undang-undang terdahulu yang sedia ada iaitu Land Code 1926 serta telah dikemaskini dan ditambah beberapa bahagian baru. Semenjak kanun ini dikuat kuasa pada 1 Januari 1966, ia telah dipinda sebanyak 30 kali bermula dari 1968 sehinggalah ke tahun 2008 (Haji Salleh Buang, 2003). Pindaan yang dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan sistem pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia dapat memenuhi keperluan dasar dan pembangunan sosioekonomi semasa manakala asas bentuk dan isinya masih kekal seperti asal. Kini, perundangan tanah di Malaysia terbahagi kepada empat perundangan yang utama iaitu Kanun Tanah Negara (Pulau Pinang dan Melaka) 1963 yang berkuat kuasa di negeri Pulau Pinang dan Melaka, Kanun Tanah Negara 1965 yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia, Kanun Tanah Sarawak 1958 yang berkuat kuasa di negeri Sarawak dan Ordinan Tanah Sabah yang berkuat kuasa di negeri Sabah. Sebarang pemberian tanah di bawah Kanun Tanah Negara

dan Kanun Tanah Sarawak adalah menggunakan sistem Torrens.

Kajian-kajian lepas mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam sistem perundangan yang terdapat di Malaysia yang perlu digubal semula seiring dengan perkembangan semasa. Sebagai contoh, penggunaan Akta Orang Asli 134 yang bertujuan untuk mengelakkan komuniti ini terlibat dan membantu aktiviti komunis perlu digubal semula selepas negara ini telah mencapai kemerdekaan. Akta ini dilihat kurang sesuai untuk digunapakai dan perlu digubah semula kerana dilihat cenderung untuk mengawal kehidupan Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Tujuan kertas kerja ini adalah untuk menerangkan kerangka teori bagi mencapai kesamarataan hak bagi Orang Asli di Malaysia. Kertas kerja ini adalah berdasarkan kepada kupasan literatur yang telah dijalankan bagi menerangkan kerangka teori yang tertumpu kepada kesamarataan hak bagi Orang Asli dan Bumiputera di Malaysia.

Rajah 1 menunjukkan kerangka teoritikal isu tanah adat dan keadilan Orang Asli di Malaysia. Gambar tersebut menunjukkan isu dan masalah berkaitan tanah adat masih wujud walaupun terdapat undang-undang dan pentadbiran tanah bagi menyelesaikan isu ini. Ini menunjukkan bahawa Kanun Tanah Negara dan Majlis Tanah Negara masih belum mencapai objektif penubuhan secara menyeluruh.

KERANGKA TEORI ISU TANAH ADAT DAN Keadilan ORANG ASLI DI MALAYSIA



Rajah 1 : Kerangka Teorikal Isu Tanah Adat dan Keadilan Orang Asli Di Malaysia.

ISU DAN MASALAH

Pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan di kawasan tanah adat telah menimbulkan konflik di antara pihak pemaju dan masyarakat setempat. Keadaan ini telah menyebabkan Orang Asli yang terlibat telah kehilangan tempat tinggal dan kawasan pencarian hasil dan sumber hutan bagi menyara kehidupan mereka. Terdapat beberapa masalah yang telah dikenal pasti iaitu undang-undang sukar difahami, hak milik yang tidak boleh disangkal, permohonan tanah yang tertunggak dan pengiktirafan hak ke atas tanah.

Kanun Tanah Negara (KTN) merupakan satu kodifikasi undang-undang yang merangkumi pelbagai aspek penting mengenai tanah. KTN merangkumi skop yang amat luas dan terdiri daripada isinya yang pelbagai, mulai seksyen 1 sehingga seksyen 447 serta 14 Jadual dan puluhan borang berkenaan. Untuk memudahkan sesuatu undang-undang dilaksanakan dengan berkesan, undang-undang itu sewajarnya wujud dalam keadaan yang mudah difahami, tidak berbelit-belit sehingga hanya segelintir anggota masyarakat yang faham apa maksudnya. Kesukaran memahami maksud peruntukan KTN yang ada sekarang ini bertambah lagi apabila mahkamah tempatan telah pergi jauh dari teks undang-undang yang sedia ada dengan

membuat pentafsiran secara liberal dan meluas kerana terpengaruh dengan undang-undang Inggeris, khususnya prinsip ekuiti. Misalnya, dalam jualbeli tanah antara A dengan B, yang disudahi dengan pindahmilik dari A kepada B, mengikut KTN status B sebagai pemilik tanah itu wujud hanya setelah Borang 14A ditandatangani, diserahkan kepada Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar berkenaan dan kemudian sempurna didaftarkan. Namun begitu, mahkamah telah mencipta (apabila hal keadaan tertentu terbukti wujud) satu status baru di mana B diiktiraf sebagai "pemilik benefisial" (walaupun ia belum lagi menjadi "pemilik berdaftar" yang baru), manakala A hanya dianggap sebagai "bare trustee" (pemegang amanah kosong), tidak lagi bertaraf sebagai "legal and registered owner": lihat Borneo Housing Mortgage Finance lwn. Time Engineering Bhd [1996] 2 AMR 1537. Hal-hal lain berhubung urusan penyewaan dan pajakan, gadaian, lien dan ismen, di mana perlindungan dan pengiktirafan undang-undang terus diberi walaupun tidak sah mengikut prosedur Kanun Tanah Negara (Haji Salleh Buang, 2003).

Di bawah sistem Torrens, terdapat dua perkara penting yang perlu dipatuhi iaitu prosedur yang melibatkan borang dan proses tertentu dan hak milik yang tidak boleh disangkal. Prinsip hak milik yang tidak boleh disangkal ini terkandung dalam

seksyen 340(1) di bawah Kanun Tanah Negara. Walau bagaimana pun, di bawah seksyen 340(2) menyatakan sekiranya terdapat hal keadaan tertentu seperti penipuan, pemalsuan, salah nyata dan sebagainya, hakmilik atau kepentingan berkenaan masih lagi boleh disangkal dan dipersoal di mahkamah. Sekiranya mahkamah mendapati bahawa terdapat bukti berlakunya penipuan semasa urusan niaga yang telah dilakukan, mahkamah boleh mengisytiharkan urusniaga berkenaan tidak sah dan batal, manakala harta yang dipindahmilik atau digadai itu hendaklah diserahkan kembali kepada pemilik asalnya: lihat kes *Chiew Lip Seng lwn. Perwira Habib Bank Malaysia Sdn Bhd* [1999] 1 AMR 789. Dalam kes terkini yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, *Adorna Properties Sdn Bhd lwn. Boonsom Boonyamit* [2001] 1 AMR 665, tanah milik A telah dijual dan dipindah milik oleh B (menerusi penipuan dan pemalsuan) kepada C, yang membelinya dari B selaku *bona fide purchaser for value without notice* (BFP). Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa disebabkan negara ini mengamalkan *immediate indefeasibilit*, hakmilik C pada tanah itu tidak boleh disangkal disebabkan statusnya sebagai BFP di bawah s. 340(3) KTN. Sistem Torren yang diamalkan oleh Malaysia melalui Kanun Tanah Negara 1965 hanya memberi kepentingan terhadap tanah yang didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Tanah dan tanah orang Asli yang diwarisi dari generasi ke generasi tidak termasuk dalam sistem pendaftaran mengikut undang-undang tanah Malaysia. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tanah termasuk tanah yang didiami oleh orang Asli seperti yang diperuntukkan oleh Akta Pengambilan Tanah 1960 (Noor Ashikin, 2011).

Bagi membolehkan seseorang memperoleh hak milik ke atas tanah, individu tersebut hendaklah memohon untuk mendapatkan geran terhadap pejabat tanah dan dikehendaki supaya mengisi borang dan melalui pelbagai prosedur sebelum diberikan hak milik secara sah di sisi undang-undang iaitu melalui geran pemilikan tanah tersebut. Akan tetapi, permohonan ini hendaklah melalui prosedur yang kompleks dan kebiasannya mengambil masa yang lama sebelum permohonan tersebut diluluskan oleh pejabat tanah. (Brian Long et. al, 2003). Kelewatan ini berlaku semasa proses permohonan bagi mendapatkan kelulusan permohonan tanah di mana borang permohonan perlu ditandatangani oleh pihak berkuasa negeri sebelum borang tersebut dibawa ke jawatankuasa pengagihan tanah. Selepas itu, Jabatan Tanah dan Ukur bertanggung jawab untuk mengukur dan melakukan survei ke atas tanah yang dipohon. Akan tetapi, proses ini memakan masa yang lama akibat daripada kekurangan kaitangan dan sekiranya pemohon mahu proses ini dilakukan

segera, mereka boleh mendapatkan khidmat daripada pihak swasta dengan kos perkhidmatan yang mahal. Pejabat Tanah dan Ukur Sabah telah mengadakan satu taklimat berkaitan pemberian milik tanah kepada anak negeri pada 21 Jun 2012 lalu telah menyatakan bahawa faktor utama yang menyebabkan berlakunya tunggakan permohonan tanah adalah ulasan teknikal daripada jabatan yang berkenaan lambat diterima, permohonan tanah yang bertaburan dan pertindihan permohonan tanah.

Dalam kes *Adong bin Kuwau & Ors lwn Kerajaan Negeri Johor* [1997] 1 MLJ 418, tanah yang selama ini menjadi kampung halaman dan tempat tinggal mereka telah diambil bagi tujuan pembinaan empangan. Apabila kes ini dirujuk ke mahkamah, Mahkamah Tinggi Johor Baru memutuskan bahawa hak Orang Asli pada tanah berkenaan hendaklah dihormati, lalu memerintahkan Kerajaan Negeri Johor membayar pampasan kepada masyarakat tersebut. Terkilan dengan keputusan ini, Kerajaan Negeri Johor telah merayu ke Mahkamah Rayuan, di mana akhirnya rayuan ini ditolak: sila lihat [1998] 2 AMR 1233. Dalam keputusannya, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa hak Orang Asli yang diiktiraf itu merangkumi hak untuk terus tinggal pada tanah yang telah sekian lama diduduki oleh nenek moyang mereka, dan hak ini tidak hilang atau dimansuhkan oleh undang-undang moden. Dalam kes *Sagong bin Tasi & 6 Ors lwn. Kerajaan Negeri Selangor* [2002] 2 AMR 2028, Orang Asli telah diusir keluar dari kawasan mereka di Kampung Bukit Tampoi, Dengkil, Selangor. Tanah mereka ini dikehendaki untuk membina sebahagian dari lebuh raya menuju ke KLIA dan Mahkamah telah memutuskan bahawa hak Orang Asli pada tanah mereka termasuklah hak bergerak dengan bebas pada tanah mereka, tanpa dihalang atau diganggu dan untuk mencari kehidupan dari tanah (Haji Salleh Buang, 2003).

Selain itu, di bawah Akta Orang Asli, perlindungan ke atas tanah rizab Orang Asli boleh dibatalkan dengan mudah oleh Pihak berkuasa Negeri (PBN). Ini sebenarnya bercanggah dengan Fasal (85)(5) Perlembagaan Malaysia kerana tanah rizab Orang Asli adalah tanah Persekutuan, yang mana pembatalannya hanya boleh dilakukan dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan. PBN boleh memilih untuk tidak membuat pengisytiharan rezab Orang Asli dan berkuasa untuk menentukan kelayakan untuk Orang Asli tinggal secara kekal di sesuatu kawasan rizab Orang Asli. Keadaan ini boleh menyebabkan masalah kesilapan ataupun salahguna tafsiran kelayakan tersebut dan boleh menjejaskan kawasan tanah rizab Orang Asli. Perkataan boleh di dalam Akta ini juga bermakna peruntukan tersebut bersifat membenarkan dan tidak mewajibkan perlindungan ke atas tanah

rizab Orang Asli membolehkan ianya ditarik balik pada bila-bila masa dan menyebabkan Orang Asli kehilangan tanah serta apa sahaja yang terdapat dalam di dalam kawasan rizab itu. Seksyen 12 di bawah Akta ini juga ada menyebutkan mengenai pampasan terhadap pokok dan tanaman yang diusahakan oleh Orang Asli tetapi perkataan boleh ini sekali lagi tidak menjamin pembayaran pampasan kerana ianya ditentukan secara mutlak oleh PBN. (Anthony Williams-Hunt, 2005).

KESAN KONFLIK TANAH ADAT

Kesan yang dijangkakan daripada perubahan yang berlaku kepada masyarakat yang terlibat dengan konflik tanah adat ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu perubahan dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Perubahan ini merangkumi tiga perubahan utama iaitu daripada aspek perubahan fizikal dan persekitaran, perubahan sosioekonomi dan perubahan sosiobudaya yang bersifat positif dan negatif. Kesan kepada aspek fizikal dan persekitaran dapat dilihat melalui aspek kedudukan petempatan atau kawasan kejiranan, reka bentuk kejiranan dan perumahan, penyediaan elemen kemudahan awam dan perolehan hak milik tanah secara individu. Kesan kepada aspek sosioekonomi pula dapat dilihat melalui aspek perubahan dalam aktiviti ekonomi dan pekerjaan, peningkatan pendapatan dan peningkatan kos sara hidup telah dikenal pasti. Manakala kesan kepada aspek sosiobudaya merangkumi daripada perubahan nilai, sosial, motivasi, kepenggunaan dan budaya kerja Orang Asli yang terlibat.

Menurut Suki Mee & Yahaya Ibrahim, 2009 kesan perubahan yang berlaku kepada Orang Asli akibat daripada pengambilan tanah mereka dapat dibahagikan kepada dua iaitu kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang. Kesan perubahan dalam jangka masa pendek dapat dilihat melalui beberapa aspek iaitu perubahan fizikal di kawasan penempatan yang melibatkan perubahan reka bentuk susun atur perumahan dan alam sekitar yang tidak bercirikan desa, penglibatan ramai masyarakat kepada bentuk ekonomi yang baru, peningkatan taraf hidup daripada masyarakat desa kepada satu kelompok masyarakat yang lebih maju. Kesukaran masyarakat Orang Asli untuk menerima perubahan secara mendadak hingga menyebabkan ketidakserasian mereka dengan pembangunan yang dijalankan. Perubahan mendadak ke atas aktiviti ekonomi Orang Asli kerana mereka tidak lagi dapat menjalankan aktiviti ekonomi tradisional. Kemusanahan sumber semula jadi komuniti ekonomi Orang Asli seperti hasil pokok yang ditanam di sekeliling rumah mereka serta haiwan yang menjadi sumber makanan mereka

dan kehilangan hak pemilikan tanah rizab yang menyebabkan pergerakan mereka terbatas.

Manakala kesan perubahan dalam jangka masa panjang pula ialah perubahan nilai-nilai atau perilaku sosial masyarakat yang berubah kepada masyarakat desa atau komuniti bandar, semakin hilang nilai-nilai tradisi dan kepercayaan amalan nenek moyang mereka, tidak bebas untuk melakukan kegiatan seharian mereka yang berasaskan alam semulajadi seperti bermain di dalam hutan, berkebun dan memburu, hilang hak milik individu terhadap tanah dan terdedah kepada kos sara hidup yang tinggi.

KAEDAH PENYELESAIAN KONFLIK TANAH ADAT

Konflik merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan tetapi ia boleh menjadi sumber yang produktif kepada tingkah laku manusia. Walau bagaimana pun, setiap konflik yang berlaku boleh diselesaikan sekiranya semua pihak yang terlibat bekerjasama dan saling menghormati di antara satu sama lain. Konflik tanah adat yang berlaku ini dapat diselesaikan melalui lima pendekatan iaitu melalui perundangan, ketelusan pihak pentadbiran, penganugerahan geran komunal dan juga sokongan padu semua pihak.

Perundangan

Mengikut Perkara 13 di dalam Perlembagaan Malaysia, seseorang individu tidak boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang. Ini bermakna semua orang berhak untuk mengumpul sebanyak harta untuk kegunaan peribadi. Namun begitu, sekiranya harta yang dikumpul itu jika didapati tidak sah oleh undang-undang maka harta tersebut adalah boleh untuk dilucutkan secara sah. Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan tiada pampasan yang mencukupi. Perkara 13 adalah sebagai satu cara untuk melindungi kepentingan harta rakyat. Perlembagaan Malaysia juga menjamin hak asasi manusia seperti kebebasan daripada ketakutan, kebebasan bersuara dan kebebasan untuk beragama.

Di bawah Akta 134 Orang Asli ada menyatakan mengenai Tanah Rizab Orang Asli. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengistiharkan mana-mana kawasan yang diduduki oleh Orang Asli sebagai suatu kawasan rizab Orang Asli. Kawasan ini tidak boleh diwartakan sebagai Rizab Orang Melayu, tidak boleh diisytiharkan sebagai kawasan perlindungan binatang dan burung liar, tidak boleh diisytiharkan sebagai hutan simpan, tidak boleh diberi milik,

dipajak atau dilepaskan kecuali kepada Orang Asli. Akan tetapi, akta ini juga menyatakan Pihak Berkuasa Negeri boleh membatalkan atau mengubah mana-mana kawasan rizab Orang Asli. Undang-undang ini dilihat perlu digubal semula bersesuaian dengan undang antarabangsa seperti Deklarasi Orang Asli Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu, di bawah artikel 25 sehingga 32 yang menyatakan hak Orang Asli secara tradisional terhadap tanah yang mereka duduki dan jaminan perlindungan undang- undang oleh Negara untuk memberi pampasan yang setimpal sekiranya tanah mereka di ambil.

Ketelusan Pihak Pentadbiran Tanah

Di bawah seksyen 9, Kanun Tanah Negara (KTN) ada menyatakan bahawa badan induk yang menentukan dasar pentadbiran tanah negara dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri manakala institusi yang memberi nasihat terhadap purusan pentadbiran tanah ini adalah Majlis Tanah Negara. Majlis Tanah Negara diberi tugas untuk membentuk sesuatu dasar negara untuk memaju dan mengawal penggunaan tanah bagi tujuan perlombongan, pertanian, perhutanan dan lain-lain serta bertanggung jawab untuk mentadbir apa-apa undang berkaitan pentadbiran tanah. Semasa menjalankan tugas, setiap ahli hendaklah telus, tidak tunduk kepada tekanan dari luar atau dalam,serta tidak mengambil langkah yang mendatangkan kesan buruk kepada kepentingan negara. Majlis Tanah Negara hendaklah berupaya menerangkan dengan jelas matlamat sesuatu polisi diperkenalkan supaya rakyat dapat menerima dengan hati terbuka dan tidak meragui kepada polisi yang diperkenalkan. Selain itu, pihak pentadbiran tanah hendaklah melaksanakan dasar dan polisi pentadbiran dengan adil, jujur dan telus supaya dapat mengelakkan daripada melakukan penyelewengan serta penyalah gunaan kuasa dan memastikan supaya setiap individu diberikan hak mereka. Ketelusan pelaksanaan undang-undang dan polisi dapat membantu dalam pengagihan kekayaan sumber asli negara dapat dilakukan dengan seadil-adilnya (Noor Ashikin et al. 2011).

Penganugerahan hak tanah secara komunal

Penganugerahan hak tanah secara komunal bermaksud sekumpulan individu yang dijamin keselamatan dan jaminan hak untuk memiliki, mengurus dan menggunakan tanah serta sumber alam semulajadi. Terdapat dua jenis pengurusan tanah secara komunal iaitu pengurusan secara tradisional dan pengurusan secara wakil. Pengurusan secara wakil adalah kerajaan masih mempunyai hak ke ata tanah dan diberi kepada

sesuatu kelompok individu untuk diusahakan dalam tempoh yang telah dipersetujui manakala pengurusan hak tanah secara tradisional diuruskan melalui adat, mereka mempunyai hak sepenuhnya ke atas tanah tersebut dan segala keputusan yang dibuat adalah berdasarkan kepada majoriti komuniti yang terlibat.

Konsep hak tanah secara komunal bukanlah merupakan sesuatu yang baru. Di Thailand, masyarakat di sana telah mengamalkan hak tanah secara komunal lebih 15 tahun lepas sebelum perundangan mengenai hak tanah secara komunal dilaksanakan. Penandaan kawasan ini dilakukan secara ritual oleh oleh sami dengan mengikat jubah safron di sekelilin sempadan hutan sebagai penanda kawasan hak komunal bagi masyarakat setempat. Begitu juga di Kemboja, sami juga terlibat dalam menyokong penduduk kampung dalam usaha perlindungan hutan dan usaha kepada penghutanan (Kiersten Ewers Andersen, 2011).

Selain itu, interaksi yang baik di antara pihak kerajaan dan masyarakat Orang Asli perlu bagi membolehkan pelaksanaan konsep ini dijalankan dan pembangunan yang hendak dijalankan hendaklah melibatkan perbincangan bersama di antara pihak kerajaan dan Orang Asli setempat yang terlibat. Di antara kelebihan pengeluaran geran secara komunal adalah melindungi kepentingan masyarakat yang terlibat, menyelesaikan isu tuntutan hak tanah tanpa melalui siasatan tanah, menyelesaikan isu pertindihan permohonan tanah dan pemberian milik tanah secara seimbang dan adil serta cukai tanah tidak dikenakan terhadap pemegang geran tanah secara komunal ini.

Sokongan padu semua pihak

Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan Malaysia (SUHAKAM) telah mendengar dan mendapatkan pandangan dan masalah bumiputera di Sarawak dan Sabah mengenai konflik tanah adat yang berlaku. Oleh itu, Suhakam telah menubuhkan Inkuiri Nasional mengenai konflik tanah adat yang berlaku dan menubuhkan jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa ahli serta kementerian yang berkenaan bagi menyelesaikan konflik tanah adat ini. Selain itu, Pihak Jabatan Ukur Dan Survei Sabah juga telah mengadakan seminar berkaitan tanah adat bagi menambahkan pemahaman masyarakat terlibat mengenai prosedur yang sebenarnya dan masalah yang dihadapi oleh mereka dalam menyelesaikan konflik tanah adat ini. Di antara masalah utama dalam penganugerahan hak milik tanah adat ini adalah kekurangan kakitangan, pertindihan permohonan, permohonan tanah yang berterabur. Jabatan Ukur Dan Survei Sabah juga telah menyatakan langkah penyelesaian yang telah di ambil oleh jabatan tersebut bagi melancarkan

proses permohonan tanah seperti menggunakan kaedah pengukuran berkomputer, ulasan teknikal dikurangkan, kerja lebih masa dan pengeluaran geran komunal secara *fast track*.

MATLAMAT

Di peringkat antarabangsa, pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti Deklarasi Hak Orang Asli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau dikenali sebagai *United Nation Declaration on the Right of Indigenous Peoples* (UNDRIP) bagi menggalakkan masyarakat dunia mengiktiraf kedudukan dan hak orang Asli atau peribumi yang terdapat di seluruh dunia. Deklarasi ini dibahagikan kepada sembilan tema yang utama dan hak ke atas tanah merupakan salah satu tema yang terdapat di bawah deklarasi ini seperti yang terdapat pada artikel 25 sehingga 32. Penggubalan semula undang-undang berkaitan Orang Asli seperti Akta Orang Asli 134 mampu menjamin kesamarataan hak Orang Asli seterusnya membolehkan pengiktirafan terhadap hak mereka tidak boleh disangkal.

Seterusnya, ketelusan pihak pentadbiran tanah mampu menghindari daripada menyebabkan konflik akibat daripada rasa tidak puas hati masyarakat atau individu yang terlibat di dalam konflik tersebut. Akhirnya, sokongan padu semua pihak seperti daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan Malaysia (SUHAKAM) dilihat mampu membawa kepada perkembangan positif pengiktirafan hak Orang Asli di Malaysia.

KESIMPULAN

Mengikut Deklarasi Orang Asli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, setiap orang Asli di dunia ini mempunyai hak yang sama rata terhadap kehidupan mereka yang terdiri daripada hak pendidikan, sosial dan juga hak terhadap tanah. Hak terhadap tanah adalah sangat penting kerana majoriti orang asli yang terdapat di seluruh dunia masih lagi mengamalkan cara kehidupan tradisional yang sangat bergantung kepada sumber alam semulajadi yang terdapat di persekitaran mereka. Terdapat juga usaha bagi penganugerahan atau hak milik secara komunal telah diperkenalkan di luar negara dan juga diamalkan di negara jiran seperti Thailand dan Kemboja. Walaupun konsep ini masih belum dilaksanakan di negara ini, tetapi ianya masih boleh diperkemas lagi seiring dengan pentadbiran negara ini yang mempunyai perundangan tanah yang tersendiri.

Dalam konteks Orang Asli di Malaysia, masyarakat Orang Asli sering dilihat sebagai

kecilan dan tidak mahu menerima perubahan kepada kehidupan yang lebih moden. Keadaan ini sebenarnya bercanggah dengan kehendak Orang Asli dan mereka tidak terlibat secara langsung mengenai pembangunan tanah yang akan dilakukan terhadap kawasan petempatan mereka. Walau pun terdapat akta yang melindungi kepentingan Orang Asli di negara ini, tetapi masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti peruntukan mengenai kawasan rizab Orang Asli dan bayaran pampasan oleh kerajaan terhadap tanaman mereka yang musnah akibat daripada pembangunan yang dijalankan di kawasan petempatan asal mereka.

RUJUKAN

- Andersen, K. E. 2011. *Communal Tenure And The Governance Of Common Property Resources In Asia*, (April).
- Anthony Williams-Hunt, 2005. Bengkel Membincang Pindaan Akta 134. Port Dickson 2011.
- Asian Indigenous & Tribal Peoples Network. 2008. *The Department Of Orang Asli Affairs, Malaysia : An Agency for Assimilation*. New Delhi: India.
- Ganason, A. 1965. *Land Administration System In Malaysia : A Proposal for Rebranding the Functions of the Federal Lands Commissioner and the Department of Director General of Lands and Mines, 1965*, 1–7.
- Hafner-Burton, E. M., Von Stein, J., & Gartzke, E. 2008. *International Organizations Count. Journal of Conflict Resolution*, 52(2), 175–188. doi:10.1177/0022002707313687
- Kenney-lazar, M. (n.d.). *Land Concessions, Land Tenure, and Livelihood Change : Plantation Development in Attapeu Province, Southern Laos*.
- Long, B., Henriques, J., Andersen, H. S., Gausset, Q., & Egay, K. 2003. *Land Tenure In Relation To Crocker Range National Park*. (March), 1–11.
- Lorenzo Cotula & James Mayers. (nd). *Tenure in REDD Start-point or afterthought?* United Kingdom : International Institute for Environment and Development (IIED).
- Mile Kenney-Lazar. (nd). *Land Concession, Land Tenure and Livelihood Change : Plantation Development in Attapeu Province, Southern Laos*. Laos : National University of Laos.
- Marcus Colchester, Fergus MacKay, Tom Griffiths & John Nelson. 2001. *A Survey of Indigenous Land Tenure*. United Kingdom : Food and Agriculture Organization of the United Nations.
- Miswan, H., Hakim, A., Sr, P., Hamid, A., Iman, M., & Madya, P. 2009. *Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam*, Dewan Besar Institut, 1–22.
- Noor Ashikin Hamid, Noraida Harun & Nazli Ismail. 2011. *Pengambilan Tanah bagi Pembangunan Ekonomi : Isu dan Penyelesaian*. Jurnal Undang-Undang & Masyarakat. 135-148.
- Salleh Buang. 2003. *Kanun Tanah Negara 1965 dan Pelbagai Undang-Undang Berkaitan Tanah: Satu Tinjauan*. 98–112.

- Suki Mee & Yahaya Ibrahim. 2009. *Komuniti Pembangunan & Transformasi*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Toh, S. M., & Grace, K. T. 2007. *Case study : Sabah forest ownership Food and Agriculture Organization of the United.*
- Zaki, P. H., Hamzah, M. Z., Ismail, M. H., Wahidin, K., & Hamid, H. A. 2010. *Malay customary tenure and conflict on implementation of colonial land law in Peninsular Malaysia* 2(2), 33–45.